

<b>BIL</b>	<b>PREAMBLES</b>
A	<p><b>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</b></p> <p>Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan senarai kuantiti yang dinyatakan didalamnya.</p>
B	<p>Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan <i>preambles</i>, kerja-kerja awalan dan senarai kuantiti. Ini adalah bertujuan agar petender dapat menjalankan semua kerja yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam senarai kuantiti ini. Petender pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekira terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak Petender telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.</p>
C	<p>Lokasi kerja adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam pelan lokasi atau senarai lokasi dan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa.</p>
D	<p><b>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK</b></p> <p>Petender akan menanggung Fi perkhidmatan bagi pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada <b>Perkara 20.0</b> dalam Arahan Kepada Pentender.</p>

BIL	PREAMBLES
1	<p data-bbox="213 125 890 159"><b>PEKERJA / KAKITANGAN PIHAK KONTRAKTOR</b></p> <p data-bbox="137 170 1468 360">A Pihak kontraktor <b>WAJIB</b> menempatkan seorang penyelia tapak sepenuh masa bagi memantau semua kerja yang akan dijalankan. <b>Pemilik syarikat berdaftar yang sah</b> perlu mengemukakan surat makluman / pemberitahuan yang mengandungi butiran seperti nama penuh, nombor telefon penyelia serta pengesahan oleh pemilik syarikat yang sah bahawa penyelia dilantik adalah merupakan pekerja syarikat yang sah. Penyelia tapak ini perlulah boleh dihubungi pada setiap masa, bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk membuat keputusan segera.</p> <p data-bbox="137 405 1468 595">B Pihak kontraktor <b>DAN</b> wakilnya yang sah, akan dimasukkan ke dalam satu kumpulan <i>whats app (whats app group)</i> yang akan dinamakan kemudian bagi memudahcarakan / mencepatkan penyaluran semua makluman / maklumat / pertanyaan / jawapan / arahan kerja. Semua transaksi perbualan adalah sebagai satu transaksi rasmi dan perlu dipatuhi oleh pihak kontraktor. kumpulan ini akan hanya dipadamkan selepas tempoh tanggungan kecacatan berakhir. Pihak kontraktor tidak dibenarkan meninggalkan kumpulan ini tanpa sebarang notis dan / atau sebab munasabah.</p> <p data-bbox="137 640 1468 730">C Pihak kontraktor perlu menyediakan segala peralatan perhubungan dan keselamatan yang mencukupi bagi semua pekerja / kakitangan kontraktor yang terlibat di tapak seperti <i>walkie talkie</i>, <i>vest</i> keselamatan, but keselamatan, but kalis air, baju hujan dan lain-lain keperluan berkaitan yang dirasakan perlu.</p> <p data-bbox="137 808 1468 1066">D Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan dan but keselamatan selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kontraktor di denda sebanyak RM 50.00 bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan pada jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan kepada Majlis. Pihak Majlis juga akan mengeluarkan 'NOTIS BERHENTI KERJA' secara lisan dan secara bertulis sekiranya pihak kontraktor masih tidak mematuhi. Kerja-kerja hanya boleh disambung semula sebaik pihak kontraktor mematuhi semua kriteria yang ditetapkan.</p> <p data-bbox="137 1111 1468 1200">E Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor atau individu yang berkaitan dengan kontraktor yang ditahan atas apa juga alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak.</p> <p data-bbox="137 1234 1468 1402">F Pihak kontraktor dinasihatkan agar membuat laporan polis sekiranya terdapat mana-mana pihak / kumpulan / individu yang cuba / telah memeras ugut / bertindak ganas / mengganggu kakitangan atau/ individu yang dibawah kawalselia pihak kontraktor. Ini adalah bagi melindungi keselamatan / kepentingan nyawa dan harta milik kontraktor di tapak. Pihak majlis tidak akan campur tangan secara langsung atau tidak langsung dalam menangani permasalahan ini.</p> <p data-bbox="137 1447 1468 1603">G Pihak kontraktor digalakkan membuat lawatan tapak bagi melihat halangan-halangan seperti kesesakan lalulintas, parkir kenderaan, dahan dan akar pokok, <i>gated area</i>, mencari maklumat berkaitan aliran alternatif lalulintas, lokasi meletak jentera dan lain-lain perkara yang terdapat ditapak bagi memudahkan pihak kontraktor membuat anggaran harga. Kos lawatan tapak adalah dibawah tanggungjawab pihak kontraktor sendiri.</p>